

23 MAR 2004

Australia-Abdullah

AKHBAR AUSTRALIA SAMBUT BAIK KEMENANGAN ABDULLAH

Oleh: Neville de Cruz

MELBOURNE, 23 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia telah mengundi untuk pertumbuhan ekonomi, kestabilan sosial serta pilihan dalam berpolitik dan ke arah proses itu telah menolak fundamentalisme keagamaan, kata akhbar

"The Australian" hari ini.

Dalam ruangan lidah pengarangnya, akhbar berkenaan berkata ia merupakan kejayaan peribadi bagi Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi, yang telah menerima sokongan penuh bagi program pembaharuannya selepas hanya lima bulan memegang jawatan.

"Dan ianya merupakan berita baik bagi sesiapa sahaja yang faham bahawa demokrasi merupakan penawar yang terbaik bagi fundamentalisme Islam yang menggalakkan keganasan politik," kata lidah pengarang itu.

Gabungan Barisan Nasional yang memerintah telah mencatatkan kemenangan besar di parlimen manakala di peringkat negeri pula, parti berasaskan Islam PAS hilang sebuah daripada dua negeri yang diperintahnya sebelum ini dan sekadar menang tipis sebuah lagi negeri.

Akhbar itu memberitahu pembacanya bahawa pilihan raya di Malaysia adalah "adil dan bebas", peti-peti undi tidak menipu dan pada masa parti-parti pembangkang tidak begitu mendapat tempat dalam media arus perdana, mereka masih boleh berkempen dengan hebat. Dan para pengundi mempunyai akses kepada semua maklumat yang diperlukan untuk membuat penilaian mereka sendiri.

"Dalam pilihan raya umum 1999, kerajaan yang telah lama diterajui Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menerima kejutan apabila sebahagian besar pengundi etnik Melayu, di kawasan pilihan raya terasnya, beralih kepada parti pembangkang berasaskan Islam di beberapa negeri," kata akhbar itu lagi.

Mereka membantah sebuah rejim yang kelihatan begitu selesa memegang

jawatan dan lebih mengutamakan kroni perniagaannya. Tetapi kali ini, pengundi-pengundi Melayu telah memberikan respons terhadap tindakan Abdullah membanteras rasuah dengan meletakkan kerajaan kembali kepada kedudukan yang tidak boleh digugat di parlimen.

Mereka disertai oleh pengundi-pengundi India dan Cina, sedia memberikan sokongan kepada gabungan yang dikuasai Umno pimpinan Abdullah berbanding PAS, yang dikendalikan lebih berasaskan keagamaan berbanding politik.

Di negeri-negeri yang dikuasainya, PAS mengenakan interpretasi fundamental mengenai al-Quran terhadap rakyatnya. Parti itu menganjurkan sebuah undang-undang jenayah yang akan disambut baik oleh Taliban, termasuk hukuman secara merejam terhadap penjenayah.

Dan seorang daripada mursyidul amnya memberikan amaran kepada umat Islam bahawa pada masa syurga menantikan para penyokongnya, mereka yang mengundi parti yang lain akan dijanjikan neraka.

Bagi menggantikan sifat fanatik seperti itu, rakyat Malaysia telah memilih sebuah kerajaan yang telah meningkatkan pendapatan kepada tiga kali ganda dan mengurangkan kadar kemiskinan satu pertiga daripada semua isi rumah dalam tahun 1982 kepada hanya 5 peratus sekarang, dan yang tidak memberikan penekanan terhadap peranan agama dalam kehidupan umum.

Mungkin dalam keghairahan mereka untuk memilih kestabilan berbanding pelampau agama, para pengundi menjadi terlalu ghairah. Demokrasi akan berkeadaan paling baik apabila kerajaan berhadapan dengan pembangkang yang kuat dan sebagai Perdana Menteri dengan memenangi hampir 200 daripada 219 kerusi di parlimen, Abdullah tidak menghadapi tekanan sama sekali.

Tetapi hakikat yang tidak dapat disangkal ialah rakyat telah mengundi untuk pertumbuhan ekonomi, kestabilan sosial dan pilihan dalam berpolitik.

Dan dengan berbuat demikian mereka telah menolak fundamentalisme keagamaan," kata lidah pengarang itu lagi.

-- BERNAMA  
NDC AHH ROS